



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A) 100-4/10/JLD.5/C28

Tarikh : 23 Julai 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri,
Semua Ketua Jabatan Negeri,
Semua Pegawai Daerah,
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil.

YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL.12 TAHUN 2021 PELAKSANAAN MODUL eRESIT

1. TUJUAN

Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan penggunaan modul eResit bagi penyediaan dan percetakan resit rasmi Kerajaan Negeri Sabah di pejabat-pejabat pengeluar resit termasuk Cawangan-cawangan Bendahari Negeri, Pejabat Mengakaun Sendiri, dan pejabat-pejabat/unit-unit kutipan hasil dari pelbagai sumber kerajaan. Resit Am JBN.41(Pindaan 2021) akan digunakan oleh semua pengguna modul eResit manakala Pejabat/Jabatan yang belum menggunakan modul ini masih menggunakan resit sedia ada.

...2/-



2. LATAR BELAKANG

2.1. Modul eResit yang dibangunkan adalah berasaskan aplikasi web dan merangkumi beberapa proses seperti berikut:

- a) Proses Pendaftaran Resit;
- b) Percetakan Resit Am JBN.41(Pindaan 2021);
- c) Penyediaan Buku Tunai Terimaan Harian;
- d) Penyata Terimaan Bulanan.

2.2. Objektif sistem ini adalah untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan perakaunan dan kewangan dalam transaksi bayaran/terimaan, mengakaun Wang Awam dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

3. FORMAT RESIT AM JBN41(PINDAAN 2021)

- 3.1. Salinan asal dan salinan kedua Resit Am JBN.41(Pindaan 2021) dicetak dalam kertas bersaiz A4 khas;
- 3.2. Kedua-dua salinan asal dan salinan Resit perlu disahkan dan ditandatangani oleh Pejabat Pemungut;
- 3.3. Salinan untuk Pejabat Pemungut akan dicetak dalam bentuk Laporan Resit Terperinci Harian.

4. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 4.1 Ketua Jabatan hendaklah memastikan capaian internet (Rangkaian SabahNet) yang stabil sebelum pelaksanaan eResit di pejabat berkenaan dengan merujuk kepada pihak bertanggungjawab iaitu Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.
- 4.2 Ketua Jabatan hendaklah memastikan peralatan ICT seperti berikut tersedia:
- a) Pencetak Laser atau inkjet A3/ A4;
 - b) Komputer Peribadi yang memenuhi spesifikasi optimum untuk penggunaan aplikasi web.

5. PENUTUP

Sila e-mel ke alamat bn.ibn@sabah.gov.my atau berikan maklum balas di laman web <https://jbns.sabah.gov.my/> sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan atau kemusykilan tentang pelaksanaan sistem ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATIN MARY ANGELA SIPAUN, C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA)

Bendahari Negeri Sabah

4/...

“SABAH MAJU JAYA”

**s.k. Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan Negeri Sabah,
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
88400 KOTA KINABALU.**

**“ Pengarah,
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sabah,
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS,
88450 KOTA KINABALU.**

“SABAH MAJU JAYA”